



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN PPKWP
KEPADА PPDК WILAYAH PERSEKUTUAN**

17 DISEMBER 2024

**PERTUBUHAN PEMULIHAN DALAM KOMUNITI
(PPDK) PERMATA, BRICKFIELDS**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ
الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ،
وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
أَشْرَفٌ

المرسلين ،
و على آله
و صحبه أجمعين

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan

izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada petang ini bagi menyempurnakan Majlis Penyerahan Sumbangan Program Pembangunan Komuniti Wilayah Persekutuan kepada Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti atau PPDK di Wilayah Persekutuan.

2. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak, termasuk Pengerusi dan Penyelia PPDK Permata yang bersama-sama dalam

menjayakan majlis pada hari ini. Majlis ini menjadi bukti komitmen Jabatan Wilayah Persekutuan dalam memperkasakan semua kelompok komuniti, tanpa mengira keupayaan mereka.

3. Hari ini, kita bukan sahaja meraikan sumbangan ini tetapi juga mengukuhkan tekad kita untuk memastikan bahawa golongan OKU di Wilayah Persekutuan mendapat

peluang dan sokongan yang sewajarnya bagi membangun potensi mereka ke tahap yang lebih tinggi sejajar dengan prinsip *no one will be left behind* atau tiada sesiapa yang terpinggir.

KEPERLUAN KERJASAMA KOLABORATIF ANTARA AGENSI KERAJAAN DAN PPDK UNTUK MEMBERI KHIDMAT KEPADA LEBIH RAMAI OKU

Para hadirin sekalian,

-
-
-
4. Konsep PPDK, yang dahulunya dikenali sebagai PDK atau *Community-Based Rehabilitation* (CBR), mula bertapak di Malaysia sejak tahun 1984 lagi. Projek perintis ini dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia di Batu Rakit, Kuala Terengganu dan melibatkan seramai 55 orang pelatih OKU.
5. Program ini terus berkembang pesat dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Pada tahun 2018, PDK secara rasmi didaftarkan sebagai Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti atau PPDK

di bawah Akta Pertubuhan 1966. Ini adalah bukti bagaimana program ini telah berevolusi bagi memenuhi keperluan komuniti OKU secara lebih menyeluruh.

6. Sehingga hari ini, terdapat lebih 500 buah PPDK di seluruh negara yang memberi manfaat kepada hampir 19,000 orang pelatih OKU dengan sokongan lebih 5,000 orang penyelaras dan petugas. Di Wilayah

Persekutuan sahaja, kita mempunyai 15 PPDK di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

7. Namun, dengan pertambahan jumlah PPDK ini, tanggungjawab Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa juga sudah pasti semakin mencabar. Pengurusan yang lebih sistematik dan idea-idea baharu diperlukan bagi memastikan keberkesanan program ini terus terjamin.
8. Oleh itu, kerjasama erat antara agensi Kerajaan seperti Jabatan Wilayah Persekutuan dan PPDK adalah amat penting. Melalui kerjasama ini, kita dapat memberikan perkhidmatan yang

lebih menyeluruh seperti latihan kemahiran, pemulihan dan juga penjagaan.

9. Kerajaan percaya bahawa setiap rakyat, tanpa mengira keupayaan mereka, perlu diberi peluang untuk mengembangkan potensi mereka. Ini adalah asas utama kepada pembentukan sebuah masyarakat yang progresif, inklusif dan penyayang.

KERAJAAN PERUNTUK RM 1.3 BILION DALAM BELANJAWAN 2025 UNTUK GOLONGAN OKU

Para hadirin sekalian,

10. Dalam usaha menyokong golongan OKU, Kerajaan telah pun memperuntukkan 1.3 bilion ringgit dalam Belanjawan 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini, meningkat berbanding 1.2 bilion ringgit pada tahun 2024.
11. Peruntukan ini adalah bukti komitmen Kerajaan terhadap usaha untuk memperkasa golongan OKU melalui pelbagai inisiatif yang bersasar. Namun begitu, kita juga perlu menyedari bahawa terdapat cabaran

besar dalam memastikan manfaat ini dapat dinikmati sepenuhnya oleh semua yang layak. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat seramai 674,548 orang OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, bersamaan 2 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia.

12. Tetapi, angka sebenar mungkin lebih tinggi disebabkan faktor-faktor seperti kekurangan kesedaran mengenai proses pendaftaran dan stigma sosial yang masih wujud dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, saya berpandangan, pendekatan secara

bersepadu melibatkan agensi Kerajaan, masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan adalah amat penting untuk mengatasi cabaran ini.

13. Dalam konteks global, kita melihat anjakan paradigma yang diambil oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB kini memberi lebih fokus kepada pendekatan berasaskan hak berbanding pendekatan berasaskan kebijakan yang diamalkan sebelum ini. Ini adalah selaras dengan konsep *non-*

discrimination dan hak setara untuk golongan OKU. Prinsip inklusiviti ini penting untuk memastikan golongan OKU dapat menikmati kehidupan yang lebih bermaruah bersama anggota masyarakat yang lain.

**JWP SALUR PERUNTUKAN RM 710 RIBU
UNTUK 15 PPDK DI WILAYAH
PERSEKUTUAN**

Para hadirin sekalian,

14. Di peringkat Wilayah Persekutuan, pihak Jabatan Wilayah Persekutuan telah pun menyalurkan peruntukan

berjumlah 710 ribu ringgit kepada semua 15 PPDK. Peruntukan ini adalah sebahagian daripada inisiatif Program Usaha Jaya Insan atau PUJI yang berteraskan elemen Ihsan @ PUJI dan Infra @ PUJI.

15. Insya-Allah, dana ini boleh digunakan untuk pembaikan premis, pembelian peralatan asas dan keperluan terapi pelatih, merangkumi penambahbaikan bilik snoezelen, pembelian alat bantu mengajar seperti komputer, kipas dan pendingin hawa, keperluan-keperluan khusus untuk pelatih seperti kerusi khas untuk pelatih *cerebral palsy*, alat

permainan Montessori dan peralatan-peralatan terapi yang lain.

16. Ini adalah komitmen kita dalam memastikan komuniti OKU di Wilayah Persekutuan mendapat sokongan yang sewajarnya untuk menjalani kehidupan dengan lebih produktif.
17. Saya juga ingin tekankan bahawa, pihak PPDK juga perlu mengadakan kerjasama berterusan bersama sektor swasta dan NGO. Moga-moga dengan sokongan lebih banyak pihak, impak kepada program PPDK ini akan lebih meluas dan tidak hanya tertumpu dan berada di takuk yang sama sahaja.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

18. Saya berharap agar peruntukan ini dapat dimanfaatkan sebaiknya demi kesejahteraan semua. Saya yakin dengan suasana yang lebih kondusif, para pelatih juga dapat

membangunkan potensi ke tahap yang lebih tinggi lagi.

19. Akhir kata, marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam memastikan kualiti hidup masyarakat, khususnya golongan OKU, terus ditingkatkan. Saya percaya dengan sokongan yang padu daripada semua lapisan masyarakat, kita mampu mencipta sebuah komuniti yang lebih harmoni dan sejahtera.

20. Ini adalah perjuangan kita bersama, untuk membentuk Malaysia MADANI di mana tiada sesiapa yang terpinggir dan setiap individu dihargai tanpa mengira keupayaan mereka. Prinsip inklusiviti ini akan memastikan masa depan yang lebih cerah untuk semua rakyat Malaysia.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah
wassalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh.